

**KEPIMPINAN SUAMI: PENDEKATAN DAN IMPAK  
TERHADAP KEFUNGSIAN KELUARGA**

Siti Halimah Putung<sup>1</sup>, Raihanah Azahari<sup>2</sup>, Raihanah Abd Wahab<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah  
ct\_ha5h@ums.edu.my

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, raihanawahab@um.edu.my

DOI: 10.51200/kitab.v1i2.6058

**ABSTRAK**

Kepimpinan tidak hanya penting dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat tetapi dalam kehidupan berkeluarga. Kepimpinan yang baik sangat penting bagi memastikan institusi keluarga dapat berfungsi dengan baik. Pemimpin keluarga yang dapat menjalankan kepimpinannya dengan baik dijangka dapat membangun keluarga yang sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya. Bahkan pemimpin keluarga yang terbaik diperlukan bagi mencapai kebahagiaan dalam sebuah keluarga. Malangnya, kebanyakan keluarga hari ini tidak mempraktikkan kepimpinan yang baik dalam sebuah keluarga mengakibatkan terjadinya pelbagai masalah. Kelemahan dan kegagalan suami menjalankan tanggungjawab kepimpinan ini dikaitkan dengan kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam mempraktikkan kepimpinan yang baik dalam sebuah keluarga. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana kepimpinan keluarga seharusnya berfungsi dengan memfokuskan pendekatan kepimpinan yang dipraktikkan suami dalam keluarga serta impaknya terhadap kefungsian keluarga. Untuk itu, temubual terhadap enam buah keluarga terpilih di W.P Labuan dan Sabah dijalankan. Dapatkan kajian menunjukkan suami mempraktikkan pendekatan kepimpinan yang berbeza iaitu kepimpinan tegas, kepimpinan melalui teladan, kepimpinan fleksibel dan kepimpinan mengikut situasi. Pendekatan kepimpinan yang berbeza ini memberi impak kepada kefungsian keluarga.

**Kata Kunci:** Kepimpinan keluarga, peranan suami, kefungsian keluarga.

**ABSTRACT**

Leadership is not only essential in national and societal contexts but also in family life. Effective leadership is crucial to ensuring the proper functioning of the family institution. A family leader who performs their leadership role effectively is expected to foster a prosperous family and fulfill familial functions. In fact, exemplary family leadership is necessary to achieve happiness within a family. Unfortunately, many families today fail to practice effective family leadership, leading to various issues. The shortcomings and failures of husbands in fulfilling their leadership responsibilities are often attributed to a lack of knowledge and skills in implementing effective family leadership. Therefore, this study aims to explore how family leadership should function, focusing on the leadership approaches practiced by husbands within the family and their impact on family

functioning. To achieve this, interviews were conducted with six selected families in the Federal Territory of Labuan and Sabah. The findings reveal that husbands employ different leadership approaches, including authoritative leadership, leadership by example, flexible leadership, and situational leadership. These varying leadership approaches significantly influence family functioning.

**Keywords:** Family Leadership, Husbands role, Family Functionality

## PENDAHULUAN

Kepimpinan adalah sesuatu yang bersifat sejagat yang manusia perlukan dalam kehidupan bersama lingkungannya. Keperluan ini tidak hanya dalam konteks negara, masyarakat dan organisasi bahkan dalam keluarga. Kepimpinan yang baik dalam sebuah keluarga diperlukan bagi memastikan institusi keluarga dapat berfungsi dengan baik. Menurut Sayyid Qutb 2000, keperluan kepimpinan dalam sebuah keluarga lebih utama berbanding institusi lain kerana keluarga merupakan institusi pertama dan terpenting yang mempengaruhi seluruh peringkat kehidupan manusia. Keperluan kepada kepimpinan keluarga ini adalah tunjang utama dalam membentuk keluarga yang bertaqwa kepada Allah S.W.T.(Zaiton Mustafa & Mohd Roslan Mohd Nor, 2019).

Ironinya, kepimpinan keluarga bermasalah menjadi punca sebuah keluarga bermasalah. Anak-anak tidak mendapat perhatian, bimbingan, input kerohanian, nilai-nilai mulia dan keagamaan, pengawasan dan kawalan tingkah laku daripada kepimpinan keluarga meningkatkan kecenderungan mereka melakukan tingkah laku delinkuens dan mengakibatkan banyak masalah sosial timbul. Malahan kegagalan pemimpin keluarga mempamerkan teladan yang baik juga mengakibatkan anak-anak terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif, salah laku, dan keruntuhan akhlak. Ketidakfungsian suami sebagai pemimpin keluarga telah mengakibatkan permasalahan rumah tangga yang lebih serius. Bahkan kepimpinan suami yang tidak berkualiti juga menyebabkan ketegangan dalam rumah tangga berlaku.

Realiti ini memperlihatkan kelemahan dan kegagalan kepimpinan keluarga terutamanya suami mempraktikkan kepimpinan yang baik dalam sebuah keluarga menyebabkan keluarga tidak dapat berfungsi dengan baik. Hal ini disebabkan suami merupakan pemimpin utama di dalam sebuah keluarga yang memegang peranan dan tanggungjawab terbesar dalam sebuah keluarga. Kelemahan dan kegagalan suami menjalankan tanggungjawab kepimpinan ini dikaitkan dengan kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam mempraktikkan kepimpinan yang baik dalam sebuah keluarga. Justeru kajian ini dijalankan untuk membekalkan pemahaman bagaimana kepimpinan keluarga berfungsi dengan memfokuskan pendekatan kepimpinan yang dipraktikkan suami dalam keluarga dan impaknya terhadap kefungsian keluarga.

## KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian lepas menyebutkan kepentingan kepemimpinan dalam sebuah keluarga. Pemimpin keluarga yang menjalankan kepimpinan dengan baik dijangka dapat membangun keluarga yang sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya (Asmawati et al., 2015, Amran Hassan, 2014). Gaya kepemimpinan yang lebih fleksibel (Sumari et al., 2020) dan aktif (Galbraith, 2000) dalam sebuah keluarga mempengaruhi kefungsian dan keberhasilan sebuah keluarga.

Kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang mengamalkan gaya kepimpinan demokratik cenderung menjadi lebih bertenaga, berusaha, mempunyai perasaan ingin

tahu yang tinggi, berdedikasi dan dapat mengawal diri. Keluarga dan pasangan yang mengambil pendekatan kepimpinan demokrasi berupaya untuk bertolak ansur secara tegas dan seimbang (Norfaezah Md Khalid, 2016).

Kepimpinan yang mempraktikkan teladan yang baik dalam sebuah keluarga juga menjadikan anak-anak lebih mudah menjalankan tanggungjawab dan didisiplinkan (Sumari et al., 2020). Sebaliknya kepemimpinan keluarga yang gagal mempamerkan teladan yang baik mengakibatkan anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala negatif dan aktiviti yang merosakkan (Sharifah Meriam Syed Akil et al., 2012). Bahkan kepimpinan suami yang tidak berkualiti menjadi punca berlaku ketegangan dalam rumah tangga. Suami dikatakan tidak mempunyai ilmu dan kemahiran memimpin isteri dan anak-anak (Zulkifli Dahalan, 2003, Haliza A.Shukor et al., 2012).

Sehubungan itu, kajian terhadap bagaimana seharusnya suami berfungsi sangat penting. Meskipun Islam telah menjelaskan suami merupakan pemimpin utama dalam sebuah keluarga tetapi perbincangan ulama Tafsir mengenai kepimpinan suami lebih terfokus kepada maksud lelaki sebagai pemimpin kepada wanita. Sementara ulama Fiqh pula hanya menyebutkan tanggungjawab dan kewajipan suami sebagai pemimpin kepada isteri atau keluarga iaitu sebagai pendidik dan pemberi nafkah keluarga.

Dalam konteks semasa pula, kajian-kajian mengenai kepimpinan suami dalam keluarga Islam lebih tertumpu kepada tafsiran ayat kepimpinan suami atau lelaki dalam keluarga menurut pandangan ulama klasik dan kontemporari. Antaranya (Zamroni Ishaq, 2014, Hendro Sucipto, 2009, M. Hafidz Siddiq, 2014, Zoehelmy, 2013, Taufik Rokhman, 2013). Terdapat juga beberapa kajian mengenai peranan suami sebagai pemimpin keluarga dalam realiti kehidupan berkeluarga, antaranya (Najib, 2016, Mohamad Abdul Azis, 2018). Namun begitu, perbincangan mengenai kepimpinan dalam keluarga Islam masih tertumpu kepada teori berbanding praktik dan amalannya dalam kehidupan berkeluarga. Kajian yang ada sekalipun masih tertumpu kepada apakah peranan suami sebagai pemimpin keluarga tanpa meneroka bagaimana kepimpinan suami dalam sebuah keluarga berfungsi. Apakah pendekatan-pendekatan yang dipraktikkan suami dalam kepimpinan keluarga sehingga dapat memberi impak kepada kefungsian keluarga.

## METODOLOGI

Bagi mendapatkan data, temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap enam pasangan suami dan isteri Muslim terpilih di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. Peserta kajian yang terpilih dalam kajian ini terdiri daripada keluarga-keluarga yang memiliki kriteria-kriteria tertentu iaitu;

- a. Keluarga mempamerkan akhlak dan sahsiah yang baik; memperlihatkan penghayatan akhlak dan ajaran Islam dalam kehidupan.
- b. Pendidikan keluarga baik; anak-anak mempunyai pencapaian akademik yang baik yang ditandai dengan kerjaya yang baik, tahap pendidikan yang baik paling kurang peringkat Diploma dan berjaya menuntut di universiti. Ataupun anak-anak yang masih kecil menunjukkan prestasi yang baik di sekolah.
- c. Keluarga harmoni dan mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik dan rapat.
- d. Tempoh perkahwinan tidak kurang daripada 20 tahun.

Pemilihan peserta kajian menggunakan pensampelan bertujuan (purposive/convience sampling). Pensampelan bertujuan ialah pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan penyelidik dalam memilih sampel yang sesuai, berguna dan

memenuhi keperluan tujuan kajian. Penetapan kriteria peserta kajian adalah berdasarkan analisis terhadap Quran dan Hadis serta kajian-kajian lepas.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menemukan suami menerapkan beberapa prinsip penting dalam kepimpinan keluarga iaitu mengutamakan agama, memberi keteladanan, mengamalkan keterbukaan dan toleransi, sabar dan istiqamah. Berpegang pada prinsip-prinsip tersebut telah membentuk pendekatan kepimpinan yang berbeza iaitu kepimpinan tegas, kepimpinan melalui teladan, kepimpinan fleksibel dan kepimpinan mengikut situasi.

### Kepimpinan Tegas: Mengutamakan Agama

Dalam menjalankan kepimpinan, suami menjadikan agama sebagai panduan dan keutamaan dalam mengemudi keluarga. Kepimpinan suami dilihat sangat tegas dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan agama dan masalah dalam kehidupan berkeluarga, contohnya dalam menangani masalah tingkahlaku anak.

*“Saya ada satu prinsip saya dengan isteri saya kan ialah biarlah dia derita di dunia. Sebab kahwin tak cukup duit apa semua daripada esok masuk dalam api neraka. Dia dunia ni tak lama kan, mungkin anak saya kahwin waktu belajar mungkin dia boleh gagal dan sebagainya mungkin akan deritalah cari kerja. Tapi kalau dia terlanjur dan sebagainya kat akhirat lagi teruk”. (Suami 01)*

Kenyataan ini jelas menunjukkan suami meletakkan agama sebagai prioriti dalam mengawal tingkahlaku anak melibatkan pergaulan lelaki dan perempuan.

Suami mengambil pendekatan tegas mengawinkan anak meskipun masih belajar bagi mengelakkan anak daripada melanggar batasan agama dan akhlak. Ketegasan suami dalam hal berkaitan agama dan masalah dalam kehidupan berkeluarga turut diakui isteri sebagaimana dalam kenyataan seperti di bawah;

*“Kalau hal-hal lain ustaz sangat terbuka lah melainkan yang melibatkan agama lah. Macam contoh ‘couple-couple’ ke ape ke kalau tahu memang sangat marah lah benda-benda yang memang ikhtilath kan. kalau tahu, kalau tak tahu biasalah budak-budak ni kan proses dia orang kan. Tapi kalau tahu memang marah memang sangat berat lah”. (Isteri 10)*

Ketegasan suami sebagai pemimpin keluarga dalam mengawal tingkahlaku anak-anak dengan menjadikan agama sebagai prioriti melebihi kepentingan lain memberi impak besar kepada terpeliharanya agama dan kehormatan (akhlak) anak-anak. Ini menunjukkan cara suami berfungsi sebagai pemimpin keluarga sangat mempengaruhi kefungsian keluarga.

Kepimpinan yang tegas dan dipaksikan pada agama dapat memelihara agama dan akhlak anak dan isteri. Dapatan ini dapat menyokong kajian Aminuddin Ibrahim Lastar & Cassyndra Elsharon Asui 2016, yang mendapati gaya keibubapaan yang tegas mampu menghalang anak-anak dari terus terjebak dalam aktiviti tidak bermoral. Sebaliknya kepimpinan yang kurang tegas menyebabkan anak-anak kurang mengamalkan akhlak-akhlak yang baik dan mengabaikan ajaran agama. Kajian Khadijah dan rakan-rakannya mendedahkan remaja yang terlibat dengan kehamilan luar nikah ialah mereka yang tidak mengerjakan solat sementara ibu bapa tidak mengambil pendekatan yang lebih tegas

dalam memastikan anak-anak mengerjakan kewajipan tersebut (Khadijah Alavi et al., 2012). Kesannya anak-anak mengabaikan kewajipan solat dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini membuktikan pendekatan yang lebih tegas diperlukan dan memberi pengaruh besar dalam membentuk tingkah laku yang selari dengan Islam.

### **Kepimpinan Melalui teladan: Memberi Teladan**

Suami atau bapa merupakan figura utama dalam sebuah keluarga yang memegang peranan terbesar memimpin dan membimbing keluarga bagi mencapai kesejahteraan dan kefungsian keluarga. Setiap kata-kata dan tingkah lakunya menjadi panduan dan ikutan anak dan isteri dalam kehidupan sehari-hari.

Lantaran itu, suami dalam kajian ini didapati mempraktikkan kepimpinan melalui teladan dengan berusaha menunjukkan teladan yang baik kepada anak dan isteri. Ini bermaksud suami memberikan teladan yang baik kepada isteri dan anak untuk dicontohi dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Ini diakui isteri sebagaimana dalam kenyataan di bawah;

*“Sebagai contoh ikutan kepada saya dan anak-anak terutama dalam memaafkan orang. Suatu ketika suami menunjukkan sifat bertimbangrasa semasa memandu, memaafkan pemandu lain yang terlupa memberi isyarat membelok dengan mengatakan mungkin lampu isyaratnya rosak sebagai menangkis amarah kami kerana terpaksa menanggung rasa terkejut akibat break emergensi”. (Isteri 05)*

Kata-kata dan tingkah laku suami mampu menginspirasikan dan memberi impak kepada anak dan isteri dalam mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan.

Apa yang dilakukan dan diucapkan suami atau bapa lebih mudah diikuti oleh anak dan isteri berbanding apa yang didengar atau yang diajar.

*“Ibu bapa tu cerminan kepada anak-anak semenjak lahir dia tengok kita kan sebab tu kalau macam solat contohnya isu yang paling simple, saya solat saya akan bawa anak saya dari kecil biarlah dia panjang apa namanya belakang ka, dia bising ka, dia main-main ka tapi dia tau bahawa mak bapa dia solat kan”. (Suami 01)*

Suami menggunakan pendekatan memberi teladan kepada anak-anak dalam mendidik mereka melaksanakan kewajipan agama seperti ibadah solat. Pendekatan ini sangat berkesan dan memberi impak kepada pembentukan keperibadian anak-anak sebagaimana dijelaskan suami;

*“Anak-anak saya, saya bawa berjoging, saya bawa beusrah, saya bawa berceramah, sebab tu alhamdulillah semua anak-anak saya boleh jadi penceramah, boleh jadi imam bawa kita sembahyang berjemaah kan dan benda tu lagi berkesan. Kalau dengar anak sulung saya tu atau anak saya yang lain bercakap semua orang akan kata macam saya bercakap”. (Suami 01)*

Ini menunjukkan suami atau bapa adalah pencorak keperibadian anak-anak. Jika ingin anak-anak yang baik dan taat perintah Allah S.W.T. justeru suami atau bapa perlu terlebih dahulu melakukan kebaikan dan mentaati perintah Allah S.W.T.

Bapa yang mengerjakan solat lima waktu di masjid dan membawa anak bersama ke masjid melahirkan anak-anak yang melaksanakan solat di masjid (Abdul Munir Ismail

et al., 2016). Demikian juga halnya jika suami atau bapa inginkan anaknya berakhhlak mulia, dia perlu mengamalkan terlebih dahulu akhlak tersebut. Hal ini kerana anak-anak yang menyaksikan tingkah laku buruk ibu bapanya belum tentu mampu menerima nasihat yang baik daripada mereka kerana merasakan perbuatan mereka tidak selari dengan apa yang mereka ucapkan (Khairul Azhar Meerangi, 2017).

Kepimpinan melalui teladan ini ini tidak hanya penting dan memberi impak kepada pembentukan akhlak dan ketaatan dalam beragama bahkan dalam membentuk nilai, kualiti dan sikap anak dalam kehidupan.

*“Selalu akak nampak diaorang ni kalau dah macam dah darjah 1 darjah 2 darjah 3 tu diaorang punya pemikiran tu melangkau dua tahun ke hadapan. Tak adalah dia orang ni cemerlang nombor 1 straight A1 tak tapi bila pergi (ke sekolah) tu untung puan kata cikgu, anak-anak yang darjah ni penyayang betul kepimpinan betul, macam maksudnya orang merasai dia orang punya kehadiran tu. Bila di sekolah rendah bila apa-apa cikgu bagi pertandingan contohnya pertandingan hafazan, maksudnya dia nampak anak-anak kita dulu. ada yang sampai kebangsaan. Akak rasa semua anak akak tu boleh kalau tak boleh plan A Plan B cepat bertindak. Tak boleh Plan B plan C tak adalah macam tunggu kalau dah tak dapat 1 tak boleh buat satu..ada je solusi mungkin dorang tengok contohlah abi dia macam ni macam ni kita tak perlu cakap kepimpinan melalui tauladan.”. (Isteri 10)*

Menurut isteri, anak-anaknya berkebolehan, berfikiran matang dan jauh kehadapan, berdikari, berkepimpinan, berkemahiran menyelesaikan masalah dan mengurus. Kualiti diri yang dimiliki anak-anak ini adalah berkemungkinan dari keteladanan yang ditunjukkan oleh bapa mereka.

Sementara menurut isteri yang lain, suaminya yang rajin membantu melakukan kerja-kerja rumah menjadi ikutan kepada anak-anaknya untuk turut melakukan kerja-kerja tersebut.

*“Dia boleh buat kerja rumah. Anak-anak pun sudah terbiasa terikut juga dengan apa yang dia buat seperti kepimpinan melalui tauladan. Anak-anak melihat aktiviti dalam rumah kan. dalam rumah dia akan tolong bantu memasak”. (Isteri 09)*

Hal ini menunjukkan keteladanan yang ditunjukkan suami sebagai pemimpin keluarga dari segenap aspek sangat memberi impak kepada keluarga. Suami atau bapa yang mempamerkan kualiti diri sama ada dari segi agama, kehidupan berkeluarga ataupun dalam bermasyarakat sangat memberi impak kepada pembentukan keperibadian anak-anak. Apa yang dilihat, didengar dan dirasakan oleh anak sejak dari kecil akan mempengaruhi keperibadiannya (Aas Siti Sholichah, 2018). Sebaliknya, kegagalan suami memberi teladan yang baik kepada keluarga membawa pelbagai implikasi buruk dalam keluarga.

### **Kepimpinan Fleksibel: Mengamalkan Keterbukaan dan Tolak-ansur**

Dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan kepentingan agama, suami didapati lebih terbuka dan bertolak-ansur dengan isteri dan anak-anak. Keterbukaan suami dapat dilihat dalam banyak perkara misalnya dalam hal pendidikan anak-anak, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah keluarga. Keterbukaan dan tolak-ansur suami dalam kepimpinan menggambarkan kepimpinan yang fleksibel kerana adanya

perbincangan, rundingan dan tolak-ansur dalam pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, pendidikan dan sebagainya dalam keluarga.

*“Saya sentiasa mengadakan perbincangan dan kebanyakan keputusan diambil menggembirakan anak-anak dan isteri, saya selalunya beralah”.*  
(Suami 04)

Manifestasi daripada keterbukaan suami sebagai pemimpin keluarga dapat dilihat apabila suami selalu melibatkan anak dan isteri dalam membuat keputusan dengan mengadakan perbincangan dan bertolak ansur dengan kepentingan mereka.

Keterbukaan dan tolak-ansur suami dalam kepimpinan ini turut diakui isteri seperti dalam kenyataan di bawah;

*“Suami seorang yang sangat memahami dan mementingkan kebaikan keluarga, seorang yang tidak terlalu keras dalam mendidik anak-anak”.*  
(Isteri 05)

Kenyataan di atas menggambarkan kepimpinan suami tidak terlalu rigid sebaliknya lebih bertolak-ansur dan fleksibel. Fleksibeliti dalam kepimpinan adalah salah satu aspek penting yang mampu mempengaruhi kepuasan perkahwinan pasangan dan kefungsian sesebuah keluarga (Sekar Ajeng Sawitri & Irwan Nuryana Kurniawan, 2009).

Keterbukaan dan tolak-ansur suami dalam kepimpinan juga memberi impak kepada terbangunnya komunikasi yang lebih baik dalam keluarga. Komunikasi semakin baik apabila suami semakin terbuka dalam hal-hal berkaitan keluarga.

*“Dia orang kalau ada masalah dulu kecil-kecil kalau apa-apa melalui ibulah akaklah. Tapi bila dah meningkat remaja universiti belaka 3 orang dah habis universiti apa-apa dia orang lebih senang bincang dengan abi lah, bab akademik, bab IT la, ustaz sangat terkedepan juga lah, dari sudut masalah perancangan nak bincang yang dah kahwin tanya pandangan”.* (Isteri 10)

Daripada kenyataan ini dapat difahami bahawa keterbukaan suami dalam kepimpinan menjadikan anak-anak lebih mudah berkongsi, berbincang dan meminta pandangan mengenai hal-hal mereka dalam kehidupan seharian. Hal ini memperlihatkan kepimpinan yang terbuka memberi impak kepada terbangunnya komunikasi yang lebih baik dalam sebuah keluarga.

Komunikasi yang positif dan berkesan merupakan elemen penting dan asas dalam sebuah keluarga bagi membolehkannya berfungsi dengan baik (Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yussoff, 2011). Komunikasi dapat mempengaruhi keakraban dan kebolehsuaian dalam sebuah keluarga memandangkan komunikasi merupakan medium untuk menyatakan kasih sayang, menyatakan penerimaan atau penolakan pendapat (Barnes & Olson, 1985).

### **Kepimpinan Mengikut Situasi: Sabar dan Istiqamah**

Proses kepimpinan dalam keluarga tidak seperti kepimpinan yang lain. Kepimpinan dalam keluarga berlaku setiap masa dan sepanjang hayat. Justeru itu, kepimpinan dalam keluarga menuntut kesabaran yang tinggi dan memerlukan usaha yang berterusan. Sabar dan istiqamah merupakan dua perkara yang sangat penting dalam memastikan proses kepimpinan berjalan dengan baik dan berkesan. Ini dapat difahami dalam kenyataan suami seperti di bawah;

*“Mendidik bukannya tugas untuk beberapa ketika lalu berhasil dan berhenti tetapi sepanjang kehidupan berlangsung harus dipraktikkan kerana dakwah pertama dan utama adalah untuk diri dan ahli keluarga”. (Suami 06)*

Menerusi kenyataan di atas dapat difahami bahawa suami berpegang pada prinsip istiqamah dalam kepimpinan. Berhadapan dengan karenah isteri dan anak-anak bukan sesuatu yang mudah. Lantaran itu, istiqamah dalam mendidik anak-anak sangat memberi impak kepada tertanamnya nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak dan tertegaknya ajaran Islam dalam kehidupan.

*“Didikan membaca al-Quran kepada anak-anak sehingga dapat menguasai dan mahir membaca sewaktu kecil,kini menjadi rutin kelaziman anak-anak sepanjang fasa membesar sebagai remaja tanpa diarah berbuat demikian (Suami 06).*

Suami atau bapa yang konsisten mendidik anak membaca Quran sejak dari kecil melahirkan anak-anak yang tidak hanya mahir dalam membaca Quran bahkan mengamalkannya dalam kehidupan seharian tanpa perlu disuruh berbuat demikian. Proses kepimpinan yang panjang tidak hanya memerlukan usaha berterusan bahkan perlu menggunakan pendekatan yang pelbagai mengikut situasi dan keperluan.

*“Ikat situasi atau keadaan. Ada perkara hanya dengan nasihat sekali sahaja, ada kala perlu berulang ulang kali memberi peringatan khususnya dalam proses menerapkan pendidikan kepada anak-anak dengan cabaran sekeliling yang pelbagai. Proses ini sangat panjang dan memerlukan kesabaran”. (Isteri 07)*

Melalui kenyataan di atas dapat difahami suami mempraktikkan pendekatan mengikut situasi anak-anak dalam mendidik mereka. Adakalanya cukup dengan memberi nasihat sekali sahaja, tetapi dalam situasi yang lain, peringatan diberikan berulang-kali. Pendekatan kepimpinan mengikut situasi ini juga dapat difahami dalam kenyataan isteri seperti di bawah:

*“Sekarang ni bila anak-anak dah meningkat dewasa dia banyak jadi kawan, anak-anak akak ni memang manja dengan ayah dia. Dulu sangat strict sekarang anak dah remaja ni dulu kecil-kecil memang takutlah kalau lambat solat (Isteri 10).*

Suami mengambil pendekatan yang lebih tegas dalam mendisiplinkan anak pada tahap usia sekolah rendah tetapi setelah anak-anak meningkat dewasa suami mengambil pendekatan lebih terbuka dalam mendidik mereka. Pendekatan ini sangat bertepatan dengan apa yang diajar oleh Islam sama ada dalam mendidik anak ataupun isteri. Misalnya mendidik anak mengerjakan solat pada usia tujuh tahun adalah dengan menyuruhnya mengerjakan ibadat tersebut. Tetapi mendidik anak mengerjakan solat ketika berusia 10 tahun tidak cukup dengan menyuruhnya sahaja bahkan perlu memukulnya jika anak ingkar melaksanakan kewajipan tersebut. Pendekatan yang sama turut diaplikasikan dalam mendidik isteri yang nusyuz. Dalam situasi tertentu memadai dengan memberi nasihat kepada isteri, tetapi dalam situasi yang lain mungkin pendekatan tersebut tidak berkesan justeru pendekatan lain perlu dipraktikkan contohnya mengasingkan isteri daripada tempat tidur.

### Kebijaksanaan dalam Kepimpinan

Untuk membangun keluarga yang bahagia, sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya, kebijaksanaan suami sebagai pemimpin keluarga dalam menghadapi setiap situasi dan permasalahan yang berlaku dalam keluarga sangat penting. Kesilapan suami dalam mengendalikan sesuatu perkara atau permasalahan dalam keluarga sudah tentu memberi kesan kepada keluarga. Sebagai contoh masalah kecil boleh menjadi krisis besar dalam keluarga jika tidak ditangani dengan bijak (Fauziah Mohamad, 1996). Kebijaksanaan di sini bermaksud mengambil tindakan yang tepat dengan membuat pertimbangan baik buruk sesuatu perkara.

Sejajar dengan itu, dapatan kajian menemukan kebijaksanaan suami sebagai pemimpin keluarga memberi impak kepada kerukunan dan keharmonian hidup berkeluarga. Ini dapat difahami dalam kenyataan isteri seperti di bawah;

*“Akak rasa isteri-isteri dia rasa hormat sebab suami ni macam ustaz ni nila isteri ni biasanya orang perempuan ni dia tamak tau dalam kasih sayang manjakan apa, tapi ustaz ni bagus dia tak layan tu kalau dia rasa benda tu bawa kebaikan dia akan ikut kalau tak dia bukan tak ikut tapi maksudnya lambat sikitlah. Akak nampaklah kat situ kita orang sangat respek lah dengan suami ni walaupun dia dua bahtera kan”. (Isteri 10)*

Dapat difahami dalam kenyataan di atas sebagai pemimpin keluarga suami perlu bijak dalam mengendalikan karenah isterinya dan rumah tangganya. Kebijaksanaan suami ini memberi impak kepada wujudnya rasa hormat dalam diri isteri kepada suami. Dengan itu, kerukunan dan keharmonian hidup dalam sebuah keluarga dapat dikecapi. Menurut (Mariam Abd Majid et al., 2020), jika konflik yang berlaku diselesaikan dengan penuh kebijaksanaan dan kematangan, implikasi positif seperti lahir perasaan hormat dan saling memahami dapat diwujudkan dalam sebuah keluarga.

### KESIMPULAN

Pendekatan kepimpinan yang dipraktikkan suami memberi impak besar kepada kefungsian sesebuah keluarga. Terdapat empat pendekatan utama suami dalam kepimpinan keluarga iaitu kepimpinan tegas, kepimpinan melalui teladan, kepimpinan fleksibel dan kepimpinan mengikut situasi. Pendekatan kepimpinan yang dipraktikkan suami ini telah memberi impak kepada pemeliharaan agama dan akhlak anak-anak, keharmonian hidup dalam keluarga, membentuk sahsiah anak-anak, terbangun komunikasi yang lebih baik, anak-anak terdidik dengan nilai-nilai Islam dan melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Justeru itu, bagaimana kepimpinan suami dalam sebuah keluarga itu berfungsi perlu dilihat dengan lebih serius demi kesejahteraan dan kefungsian sesebuah keluarga.

### RUJUKAN

- Aas Siti Sholichah. (2018). Urgensi Tumbuh Kembang Anak terhadap Pembentukan Karakter. *IQ (Ilmu Al-Qur'an): Jurnal Pendidikan Islam*, 1(02), 154–171.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh, & Misnan Jemali. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1–10.

- Aminuddin Ibrahim Lastar, & Cassyndra Elsharon Asui. (2016). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Konsep Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Sabah. *Seminar Psikologi Kebangsaan-Iii 2016*, 576–584.
- Amran Hassan. (2014). *Hubungan Kemahiran Keibubapaan Dan Kefungsian Keluarga Terhadap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibu Bapa Dan Anak*. UKM.
- Barnes, H. L., & Olson, D. H. (1985). Parent-Adolescent and the Circumplex Model. *Child Development*, 56(2), 438–447.
- Che Hasniza Che Noh, & Fatimah Yussooff. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 45–62–62.
- Fauziah Mohamad. (1996). *Rahsia Kepemimpinan Suami dalam Rumahtangga*. Perniagaan Jahabersa.
- Haliza A.Shukor, Hasnizam Hashim, & Intan Nadia Ghulam Khan. (2012). Krlsis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wllayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang*, 67–86.
- Hendro Sucipto. (2009). *Kepemimpinan dalam Keluarga (Studi Komparasi Penafsiran Yunahar Ilyas dan Husein Muhammad)*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Khadijah Alavi, Nen Salina, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, & Nordin, M. S. M. N. M. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131–140.
- Khairul Azhar Meerangi. (2017). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017 Kolej Universiti Islam Melaka KAEDAH*, 1–12.
- M.Hafidz Siddiq. (2014). *Kontekstualisasi Surat An-Nisa' Ayat 34 (Studi Komparasi Pemikiran Tafsir Perspektif Buya Hamka dan M. Quraish Shihab)*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Salasiah Hanin Hamjah, Zulkefli Aini, Mohd. Ridhuan Mohd Jamil, & Naqibah Mansor. (2020). Pendekatan Mengurus Konflik dalam Rumah Tangga Bermadu. *Al-Irsyad*, 5(1), 253–265.
- Mohamad Abdul Azis. (2018). Peran Suami Dalam Membentuk Keluarga Sakinah (Studi Kasus Dua Keluarga di Padukuhan Papringan, Caturtunggal, Sleman, Yogyakarta). *Hisbah: Jurnal Bimbingan Konseling Dan Dakwah Islam*, 15(2), 66–78.
- Najib, A. A. (2016). *Kepemimpinan Suami Dalam Rumah Tangga Yang Ikut Mertua (Studi Di Desa Rejosari Kecamatan Kebonsari Kabupaten Madiun)*. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Norfaezah Md Khalid. (2016). *Kesan Kefungsian Keluarga Asal, Pembezaan Kendiri, dan Sikap terhadap Peranan Gender ke atas Kualiti Perkahwinan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsīr Fi Zilal al-Quran*. Pustaka Aman Press.
- Sekar Ajeng Sawitri, & Irwan Nuryana Kurniawan. (2009). Fleksibilitas Pasangan Dan Kepuasan Perkawinan. *Psikologika: Jurnal Pemikiran Dan Penelitian Psikologi*, 14(1), 81–89. <https://doi.org/10.20885/psikologika.vol14.iss1.art8>

- Sharifah Meriam Syed Akil, Saedah Abd Ghani, Othman Ab Rahman, & Muhammad Zaki Mustafa. (2012). Transformasi dalam Kepimpinan Institusi Keluarga. *International Conference on Islamic Leadership (ICIL)*, 405–425.
- Taufik Rokhman. (2013). Kepemimpinan Keluarga Dalam Al-Qur'an (Kajian Surat Al-Nisa' [4]: 34). *Jurnal Muwazah*, 5(2), 139–153.
- Zaiton Mustafa, & Mohd Roslan Mohd Nor. (2019). Peranan Keluarga Muslim Dalam Membina Masyarakat Sejahtera: Satu Sorotan Awal Terhadap Pemikiran Kekeluargaan Ibn Sina (980m-1037M). *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3), 89–96.
- Zamroni Ishaq. (2014). Diskursus Kepemimpinan Suami Isteri Dalam Keluarga (Pandangan Mufasir Klasik Dan Kontemporer). *Jurnal Ummul Quro*, 4(No. 2, Ogos), 10–32.
- Zoehelmy. (2013). *Relasi Suami-Istri dalam Al-Qur'an (Studi Komparasi Penafsiran Asghar Ali Engineer dan Nasaruddin Umar)*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Zulkifli Dahalan. (2003). Krisis Rumahtangga di Kalangan Pasangan Islam: Kajian Terhadap Kes-kes yang Dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam. *ESTEEM Academic Journal*, 1, 59–66.